

## Portal KKMNOW Dilancar, Papar Data Bersepadu Kesihatan Lebih Telus

PETALING JAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) melancarkan portal baharu dikenali KKMNOW sejajar dengan peningkatan digitalisasi sistem kesihatan dan mutu analitik.

Menterinya Khairy Jamaluddin berkata platform digital yang dibangunkan dengan kerjasama Jabatan Perangkaan akan menginstitusikan era baharu bagi ketelusan kerajaan.

“Inisiatif baharu itu merupakan kesinambungan atau perluasan kepada fungsi portal COVIDNOW sedia ada selaras dengan pelan pendigitalan perkhidmatan kesihatan.

“Ia juga usaha KKM mewujudkan satu platform bersepadu bagi tujuan perkongsian serta rujukan data oleh pengurusan KKM dan seluruh rakyat Malaysia,” katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Khairy memberitahu skop KKMNOW yang lebih luas merangkumkan data seperti maklumat fasiliti kesihatan dan program seperti derma darah dan organ, saringan kesihatan dan Skim Peduli Kesihatan Kumpulan B40 (PeKa B40) serta data penyakit berjangkit.

Khairy berkata portal KKMNOW memaparkan data kesihatan yang diperoleh bukan sahaja daripada KKM malah melalui jalinan kerjasama dengan pelbagai agensi.

Tambahnya langkah itu diharapkan dapat meruntuhkan cara kerja silo dalam kalangan agensi kerajaan selain memudahkan kumpulan penyelidik serta pembuat dasar memperoleh data berkaitan kesihatan.

“**Jabatan Perangkaan** mampu mewujudkan kesedaran dan membantu rakyat Malaysia memantau kemudahan kesihatan awam yang tersedia mengikut daerah dan setiap negeri.

“Antara data sumber terbuka yang boleh didapati ialah stok ubat di seluruh negara, data bank darah, penggunaan katil hospital, statistik terkini penyakit dan masa tindak balas ambulans daripada MERS999,” katanya.

<https://sumberkini.my/portal-kkmnow-dilancar-papar-data-bersepadu-kesihatan-lebih-telus/>